

PENGHAYATAN ISLAM DAN HUBUNGANNYA TERHADAP PENGABAIAAN *QAWWAMAH* DALAM PERKAHWINAN

Raikhan Mormin
Bushrah Basiron

ABSTRAK

Qawwamah dalam perkahwinan merupakan isu yang sering dibangkitkan apabila berlaku konflik rumahtangga. Ianya merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dalam ikatan perkahwinan. Konflik adalah suatu yang sering berlaku dalam alam rumahtangga yang memerlukan jalan penyelesaian yang terbaik. Setiap perkahwinan mengimpikan rumahtangga yang sakinah, mawaddah dan rahmah. Pengabaian *qawwamah* oleh suami akan memberi implikasi yang sangat besar terhadap isteri. Timbulnya kepincangan rumahtangga disebabkan masalah kepimpinan yang tidak berteraskan penghayatan Islam. Keharmonian dan kebahagiaan sukar untuk dibentuk tanpa perlaksanaan penghayatan Islam yang diterapkan dalam institusi rumahtangga. Kajian ini mencadangkan penghayatan Islam dijadikan model dalam memupuk kepimpinan rumahtangga yang bebas dari konflik dalam mewujudkan suasana harmonis dan tenang. Kajian ini berbentuk kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Adalah diharapkan, kajian ini dapat menerapkan nilai penghayatan Islam dalam kehidupan berumahtangga dalam menangani permasalahan pengabaian *qawwamah* dalam perkahwinan.

Kata Kunci: penghayatan Islam, pengabaian *qawwamah*, perkahwinan, konflik.

PENGENALAN

Kebahagiaan hidup berkeluarga adalah menjurus kepada teraju kepimpinan. Menurut Najla (2010), suami isteri perlu menjadikan rumahtangga sebagai sebuah perusahaan untuk menjadikan ianya mantap dan terus maju. Namun apabila suami isteri tidak bersatu hati, akan menyebabkan berlakunya pergolakan. Dalam hidup berumahtangga, tanggungjawab dikenali sebagai *Qawwamah*. Ianya juga boleh diertikan sebagai kepimpinan rumahtangga. Suami merupakan pemimpin kerana suami merupakan ketua rumahtangga. Pengabaian *Qawwamah* merupakan satu isu penyebab berlakunya krisis rumah tangga. Pengabaian ini akan mewujudkan permasalahan dalam rumahtangga dan boleh mendatangkan tekanan dalam kalangan isteri. Islam pula boleh diertikan sebagai sebuah agama yang syumul dan setiap perkara yang terkandung di dalamnya adalah tidak bererti seandainya tidak dilazimi oleh penganutnya. Dalam melazimi amalan dalam Islam, asas penghayatan Islam perlulah dijadikan teras amalan kehidupan seharian iaitu berdasarkan tiga prinsip iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

Dalam hubungan perkahwinan, secara fitrahnya pemikiran dan perasaan masing-masing memang cenderung untuk menjalinkan hubungan bagi mencapai ketenangan jiwa dan fizikal. Keperluan antara pasangan suami isteri tercapai apabila keduanya menimbulkan rasa saling melengkapi antara satu sama lain. Perkaitan antara *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam hubungan perkahwinan akan sentiasa dirasai apabila *qawwamah* dalam rumahtangga dapat dilaksanakan secara berhikmah dan telus. Selain itu, kecenderungan dalam hubungan juga turut melibatkan gabungan fizikal, mental, jiwa dan kerohanian. Menurut Syed Qutb dalam Nur Faedah et al. (2020) hubungan yang terjalin mampu memenuhi keperluan semulajadi manusia yang bersifat *nafsiyyah*, *akliyyah* dan *jasadiyyah* maka akan terhasillah keredahan, ketenangan dan kestabilan iaitu perasaan *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Wahbah al-Zuhayli (2009) mengaitkan bahawa perasaan tersebut hanya akan dapat dirasai sepenuhnya apabila pasangan mempunyai ikatan perkahwinan yang dihasilkan melalui kasih sayang dan berhubung antara satu sama lain.

Konflik rumahtangga pula sering dipertikaikan sebagai permasalahan dan perselisihan faham antara suami isteri yang boleh menyebabkan penceraiian seandainya tidak dibendung. Menurut Norhayati (2006) konflik boleh mengganggu beberapa elemen penting dalam institusi kekeluargaan iaitu perasaan, pemikiran, sistem kepercayaan, tingkah laku dan konsep nilai. Manakala Abu Hassan Din (1996) menjelaskan bahawa konflik dalam Islam melibatkan tiga keadaan iaitu pertama, *nusyuz* yang hanya melibatkan satu pihak sahaja dan kebiasaannya konflik ini dapat diselesaikan di antara suami isteri itu sendiri tanpa campurtangan pihak ketiga, *syiqaq* pula mewujudkan perbalahan antara suami isteri secara berterusan yang terpaksa menggunakan campurtangan pihak ketiga dalam mencapai penyelesaian, manakala *darar* merupakan satu situasi yang sangat parah apabila pihak isteri mengalami penderaan dan penganiayaan dari pihak suami yang boleh mengakibatkan bahaya atau mudarat terhadap nyawa, akal, keturunan, harta dan agama isteri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenalpasti kepincangan rumahtangga disebabkan masalah kepimpinan yang tidak berteraskan penghayatan Islam.
2. Mengenalpasti perlaksanaan penghayatan Islam yang diterapkan dalam institusi rumahtangga.
3. Mengkaji penghayatan Islam sebagai model dalam memupuk kepimpinan rumahtangga yang bebas dari konflik.

PENGHAYATAN ISLAM DALAM PERKAHWINAN

Berdasarkan kajian Robinson (1994) menyatakan bahawa agama memberi kesan kestabilan kepada rumahtangga berdasarkan bimbingan moral dan perhubungan sosial, emosi dan rohani pasangan suami isteri. Ianya disokong dengan kajian Dollahite (2007) bahawa agama memberi pengaruh kepada perkahwinan melalui nilai-nilaimoral dan kualiti hubungan yang mampu menjamin keharmonian dan kebahagiaan keluarga daripada melakukan perkara yang boleh menyebabkan mendatangkan kemurkaan Allah. Brandt (2003) dalam kajiannya menyentuh tentang penglibatan suami isteri dalam upacara keagamaan akan lebih memberikan komitmen yang tinggi dan rasa tanggungjawab terhadap pasangan dalam menjalani hidup berumahtangga. Selain itu ianya menimbulkan rasa kepuasan dalam perhubungan di samping mengurangkan pertikaian dan perselisihan faham yang boleh membawa kepada penceriaan.

Selain itu, Butler (2002) menyatakan dalam kajiannya bahawa kebersamaan antara suami isteri dalam melaksanakan sembang dapat merapatkan hubungan dan mengurangkan pertelingkahan lisan dalam menyelesaikan sesebuah konflik rumahtangga. Di samping itu juga, Hunler (2005) juga menjelaskan bahawa suami isteri yang kerap hadir ke gereja, telah mendekati diri dengan tuhan dan secara tidak langsung dapat mengawal emosi dan tingkahlaku dalam menangani konflik rumahtangga di samping lebih bertanggungjawab dengan keluarga. Norliza (1998) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa pasangan suami isteri yang mengamalkan penghayatan Islam dalam kehidupan sehariannya akan lebih memahami konsep dan tujuan sesebuah perkahwinan. Melaksanakan tanggungjawab mengikut suruhan agama dan sentiasa harmoni dalam membina kehidupan berumahtangga. Selain itu, mereka dapat menyelesaikan konflik dalam rumahtangga dengan cara yang berhikmah dan tenang.

Jawiyah (1996) dalam kajiannya menyatakan bahawa antara asas dalam mewujudkan institusi kekeluargaan yang mantap dengan iman dan taqwa adalah berpaksikan dengan al-Quran dan as-sunnah. Ianya bertepatan dalam surah Luqman ayat 13 dan 17 yang menekankan tentang pembentukan keluarga melalui aspek aqidah yang paling utama dan diikuti dengan aspek pelaksanaan ibadat solat. Keluarga yang sentiasa mempraktikkan penghayatan Islam dalam segala aspek kehidupan mencerminkan kebahagiaan dan keharmonian dalam rumahtangga. Ketakwaan dan kesabaran adalah usaha yang perlu dipupuk oleh pasangan suami isteri. Menurut Hamka dalam Thoriq Fadhli Zaelani (2017) bahawa pasangan yang mencapai keluarga *sakinah* adalah berlandaskan keimanan, sikap tanggungjawab, tenang dan sentiasa bermesyuarah dalam keadaan baik. Ianya disokong dengan kajian Faula Arina (2018) bahawa keluarga yang mencapai *sakinah* akan didasari dengan landasan agama yang kuat dan mencapai pasangan yang betul sebelum memasuki gerbang perkahwinan. Kajian ini juga menegaskan bahawa pasangan yang dapat memperkukuhkan nilai *sakinah* iaitu dengan melaksanakan fungsi agama, fungsi pendidikan, fungsi perlindungan, fungsi ekonomi dan fungsi pembiakkan dengan baik. Ianya juga dapat dirumuskan lagi dengan penyuburan unsur seks dan kerohanian dalam membina hubungan perkahwinan yang mendapat redha Allah SWT (Muhammad Fathonaddin, 2019).

QAWWAMAH DALAM PERKAHWINAN

Perkahwinan merupakan perkongsian hidup antara suami dan isteri yang di dalamnya perlu digalas *qawwamah* (tanggungjawab) bagi membentuk keharmonian dan kesefahaman antara keduanya. Surah al-Baqarah ayat 228 menerangkan bahawa sewajarnya suami berperanan utama dalam melaksanakan tanggungjawab rumahtangga. Pelaksanaan *qawwamah* yang makruf dan sempurna oleh suami, secara tidak langsung, isteri juga akan melaksanakan *qawwamah* dengan baik dan seikhlas hati. Ini akan memudahkan lagi pelaksanaan tanggungjawab bersama, kerana sikap saling memahami antara satu sama lain. Secara umumnya, *qawwamah* terbahagi kepada tiga bahagian dalam syariat Islam iaitu *qawwamah* isteri terhadap suami, *qawwamah* suami terhadap isteri dan *qawwamah* bersama antara suami dan isteri (Mahmood dan Raihanah, 1989; Surah al-Baqarah, 2:228; Azhar dan Kamarul Azmi, 2004).

QAWWAMAH SUAMI TERHADAP ISTERI

Qawwamah suami terhadap isteri lebih menjurus kedudukan suami sebagai ketua keluarga. Tanggungjawab yang wajib selama mana bergelar isteri perlulah melaksanakan selagi tidak bercanggah dengan akidah, syarak dan akhlak Islam (Azhar dan Kamarul Azmi, 2004). Pendidikan agama merupakan tanggungjawab yang paling utama yang perlu dilakasan oleh suami kepada isterinya samada ianya wajib, sunat atau harus terutama dari aspek peningkatan akhlak (Said, 2007). Berdasarkan sabda Rasulullah SAW, seorang suami itu adalah sangat berdosa besar dengan membiarkan kejahilan isterinya dalam perihal pendidikan agama. Suami perlu memberikan didikan agama dengan pelbagai kaedah samaada mengajar sendiri mahupun mengajak isteri mencari ilmu dengan menghadiri kelas-kelas fardhu ain dan ceramah agama (Al-Syaukani, No:296).

Tanggungjawab suami bukan setakat itu sahaja, malah wajib memberikan nasihat, tunjuk ajar dan pandangan kepada isteri dalam menyempurnakan rumahtangga yang dibina. Rasulullah juga memberi penekanan dalam memuliakan isteri dan berlemah lembut terhadap mereka. Namun ianya adalah terbatas dan tidak terkeluar dari batas syariat Islam. Dari sudut komunikasi, suami juga sewajarnya memberi peluang pada isteri memberikan pendapatnya dan perlu berlapang dada. Semuanya perlu diselesaikan dengan cara hikmah dan dapat memuaskan hati kedua-dua pihak. Rasulullah sendiri membantu isteri-isterinya dalam menyempurnakan rumahtangga. Pihak suami tidak boleh lepas tangan dan hanya bergantung harap pada isteri semata-mata. Baginda menjadi *role model* dalam perkahwinan dengan sentiasa melakukan kerja rumah, malah menjahit pakaian koyak sendiri (Sahih Bukhari, No: 3104, No: 4812; Sahih Muslim, No: 3179; Mustafa, 1995; Johaibi dan Mohd Azmir, 2014).

Dalam aspek kepemimpinan suami dalam perkahwinan, menceraikan isteri dengan cara yang baik atau ihsan juga merupakan tanggungjawab suami. Ia adalah perbuatan mulia dan penghargaan terhadap isteri yang pernah menemani dan berkongsi hidup bersama dan saling menanggung kebaikan dan keburukan. Penceraian secara baik ini adalah mengikut hukum syarak iaitu bercerai mengikut tertib. Namun dalam penceraian, Islam turut menggariskan bahawa hak pembubaran dalam perkahwinan boleh dibuat oleh isteri melalui proses *khulu'* dan *fasakh* seandainya tidak berlaku ketidakadilan dan ketidakbertanggungjawaban suami terhadap isteri dan anak-anak. *Khulu'* dan *fasakh* adalah alternatif isteri yang dihalalkan oleh Islam dalam mengatasi masalah krisis rumahtangga yang berbentuk *darar* dan *siqaaq*. Ianya dihalalkan oleh Islam, untuk meyelamatkan diri wanita itu terbelenggu dari masalah rumahtangga yang berlarutan. Namun, ianya bukanlah boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh isteri bagi menuntut penceraian. (A' tiyah , 2005; Johaibi dan Mohd Azmir, 2014; Abu Daud, No:2175; Ibn Majah, No:2018)

QAWWAMAH ISTERI TERHADAP SUAMI

Isteri juga bertanggungjawab dalam urusan rumahtangga bagi mencapai keharmonian yang diimpikan. Mengiktiraf suami sebagai seorang ketua keluarga merupakan suatu tanggungjawab yang paling utama bagi seorang isteri selagi ianya tidak bertentangan dengan tuntutan agama. Selain itu juga seorang isteri wajiblah menjaga maruah dirinya semasa ketiadaan suami. Melaksanakan ibadah dan menjalankan kefardhuan kerana Allah adalah amanah yang perlu dijaga sebagai tanggungjawab terhadap suami. Bukan itu sahaja, Allah SWT turut merahmati seorang wanita yang membangunkan suaminya untuk solat bersama-sama ditengah malam. Namun segala kewajipan dan tanggungjawab isteri dalam kefardhuan adalah dengan Izin suami seperti melaksanakan puasa, mencari nafkah dan juga menuntut ilmu (surah al-Nisa: 4:34; sunan Abi Daud: No: 1114, No: 1240; Ibn Majah, No: 1326; Sunan al-Nasa'ie, No:1600).

Tanggungjawab dalam mengasuh dan mendidik anak-anak berlandaskan syariat Islam adalah tanggungjawab isteri. Ianya adalah menjadi satu kepentingan kerana mengemudi seluruh kehidupan dengan akidah dan iman akan membentuk keluarga yang sentiasa menjunjung Islam di zaman yang serba mencabar ini. Memelihara dan mendidik anak-anak termasuklah menjaga pemakanan serta memelihara anak-anak sehingga mereka dapat berdikari. Sebagai seorang isteri juga, menjaga kerahsiaan rumahtangga juga menjadi satu tanggungjawab yang besar. Bagi menjaga kerukunan rumahtangga yang penuh berkat dan mendapat rahmat dari Allah SWT, pasangan suami isteri perlu bersyukur dengan segala nikmat yang telah diberikan. Isteri harus redha dengan segala yang diberikan oleh suaminya selagi mana ianya tidak membawa kepada kemudaratannya (Asming Yalawae, 1998; Siti Fatahiyah et al., 2016; Surah al-Rum, 30:21; Surah al-Furqan, 25:74).

Bukan sahaja seorang isteri wajib menjaga dan menghormati suami malah menghormati keluarga suami. Hendaklah seorang isteri itu merendahkan diri dengan ibu bapa suaminya dengan rasa kasih sayang dan belas kasihan serta doakan mereka sebagaimana ibu bapa sendiri. Perkara ini dilihat apabila Khadijah sangat hormat pada ibu susuan baginda dengan tinggal bersama setelah berkahwin dengan baginda dan menjaga seumpama ibu sendiri. Begitu juga, Khadijah amat prihatin dengan masalah yang dilalui oleh ibu susuan nabi iaitu Halimatus saadiah tentang kesususahan penduduk Bani Saad dan Khadijah memberikan 40 ekor kambing termasuk unta (Surah al-An'am, 6:151; Surah al-Israa', 17:24).

Walaupun mencari nafkah adalah tanggungjawab suami, tidaklah menjadi kesalahan bagi seorang isteri yang berkemampuan untuk membantu suaminya dalam mencari nafkah untuk anak-anak. Malah ganjaran besar yang akan diperolehi oleh isteri yang membantu suaminya dalam mencari nafkah keluarga (Johaibi dan Mohd Azmir, 2014). Namun begitu, sikap tolak ansur dalam rumahtangga perlulah dipupuk apabila suami isteri bekerja. Tingkahlaku isteri juga perlu sentiasa dijaga dari mengelak *nusyuz* kerana isteri itu merasakan dirinya mempunyai pendapatan sendiri atau lebih tinggi dari suami. Ianya dikuatkan lagi kajian Syamsiah (2019) bahawa situasi isteri bergaji besar sering menyalahi suami dan kurang menghargai suami. Ini yang menyebabkan konsep *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* tidak dapat dibentuk dalam sesebuah keluarga.

QAWWAMAH BERSAMA ANTARA SUAMI DAN ISTERI

Hak istimewa adalah hak bersama antara suami dan isteri. Ini kerana, hikmah pernikahan adalah menghalalkan hubungan jenis suami isteri. Menurut Wahbah Zuhaili (1997) pasangan suami isteri ada hak untuk bersetubuh kerana ianya adalah hajat dan naluri semulajadi manusia. Maka tiada larangan bagi mereka selagi tiada perkara larangan seperti haid, nifas, sakit dan seumpamanya. Menurut Fahr al Din al-Razi dalam Nur faezah et al.(2020) hubungan intim sebenarnya dapat membangkitkan aura kebahagiaan antara suami isteri dalam mencapai hidup berkasih sayang.

Setiap suami isteri berhak menerima ketenteraman, kasih sayang dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Kesan dari layanan yang istimewa dan baik antara suami dan isteri akan mencapai tujuan perkahwinan sebenar. Segala perkongsian hasil dari hidup bersama merupakan hak terhadap perhubungan. Hasil perkongsian hidup dan dikurniakan zuriat juga merupakan hak hubungan perkahwinan yang perlu dinasabkan. Selain itu juga hak mempusakai juga turut menjadi hak bersama sebagai harta peninggalan sekiranya berlaku kematian antara kedua-duanya (Azhar dan Kamarul Azmi, 2004).

Bagi menyempurnakan hak dan *qawwamah* tersebut suami isteri perlulah menunaikan *qawwamah* masing-masing. Sikap bersyukur perlu diterapkan dalam jiwa suami isteri atas nikmat kurniaan Allah SWT kepada mereka. Penerapan ilmu agama sangat penting dalam memperkasakan sikap sabar dan tabah dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dalam rumahtangga mereka. Mereka perlu saling nasihat menasihatai, bertolak ansur dan memaafkan antara satu sama lain dan tiada perasaan ragu-ragu. Suami isteri yang bertanggungjawab akan menghadapi susah payah, rintangan, cabaran rumahtangga dengan tenang dan sentiasa bermesyuarah bersama agar mencapai penyelesaian yang terbaik (Surah al-Furqan, 25:74; Surah al-Rum, 30:21; Azhar dan Kamarul Azmi, 2004).

HUBUNGAN PENGHAYATAN ISLAM DENGAN PENGABAIAN *QAWWAMAH*

Tanggungjawab suami isteri dalam alam perkahwinan hendaklah dilaksanakan dengan sebaiknya. Memimpin rumahtangga sememangnya satu tanggungjawab yang berat untuk dilaksanakan. Banyak kes yang melibatkan kecelaruan rumahtangga yang menyebabkan berlakunya konflik. Penceraian juga mencatatkan statistik yang tinggi. Namun ianya adakah dari kalangan mereka yang tidak melaksanakan penghayatan Islam dari sudut akidah, ibadah dan akhlak? Justeru itu, artikel ini cuba untuk mengenalpasti tahap penghayatan Islam dalam kalangan suami isteri dan adakah kekurangan penghayatan dalam rumahtangga pencetus konflik dan seterusnya pengabaian *qawwamah* berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah deskriptif kualitatif kerana pengkaji ingin melihat serta mengupulkan data yang kaya dan mendalam mengenai isu yang dikaji. Pengkaji juga mahu mendalami perasaan responden kajian dengan cara dalam talian. Artikel ini dihasilkan berdasarkan kajian bersama dengan lapan orang responden yang menghadapi konflik rumahtangga di Pasir Gudang yang tersenarai dalam kawasan kepadatan penduduk yang tinggi. Responden dipilih berdasarkan kaedah persempelan bertujuan. Kaedah temubual adalah secara berstruktur dan tidak berstruktur yang digunakan untuk mengumpul maklumat daripada responden berdasarkan soalan-soalan yang telah dibina untuk keseragaman. akidah, ibadah, akhlak dan masalah rumahtangga.

Soalan temubual dibahagikan kepada empat bahagian iaitu akidah, ibadah, akhlak dan masalah pengabaian *qawwamah*. Aspek akidah merangkumi soalan tentang kefahaman responden terhadap tujuan dan matlamat manusia hidup, pengetahuan responden terhadap pengabaian *qawwamah* (tanggungjawab) sebagai suami isteri dan juga perasaan dan penerimaan terhadap ujian Allah SWT. Aspek Ibadah pula merangkumi solat fardhu, solat sunat, solat berjamaah, solat Jumaat, zakat, puasa Ramadhan, puasa sunat dan juga amalan membaca al-Quran. Manakala aspek akhlak pula, memberi penekanan kepada tanggungjawab menutup aurat, pergaulan dengan berlainan jantina, dan sikap mereka dalam menyelesaikan sesuatu masalah iaitu sikap memaafkan, sikap sabar dan juga sikap terhadap teguran dan nasihat yang diberikan. Bagi permasalahan pengabaian *qawwamah*, responden ditanya mengenai punca teretusnya konflik pengabaian *qawwamah* dan perkaitan dengan amalan ajaran Islam dalam kehidupan mereka.

Bagi mengolah data yang diterima, pengkaji menggunakan kaedah loose networks dengan teknik category diversification sepertimana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994). Ianya akan dibuat mengikut label yang boleh diletakkan di dalam kotak, network boleh ditunjukkan seperti peta rajah yang menghubungkan satu kategori dengan kategori lain (Bliss, Monk & Ogborn, 1983). Kajian ini juga menggunakan format temubual tidak berstruktur bagi mengumpul maklumat dan mendapatkan perspektif umum mengenai isu yang ingin di kaji. Senarai semak kajian disertakan berdasarkan kajian literatur supaya tidak berlaku keciciran maklumat yang diperlukan. Pengkaji menggunakan rakaman dari fasa temubual dan menjalankan transkrip penuh dan menghasilkan data verbatim. kemudian data verbatim akan di analisis oleh perisian komputer Nvivo bagi mendapatkan tema-tema kajian. Data akan dihuraikan dalam bentuk kesimpulan dan rumusan hasil dari dapatan kajian. (Yin, 2009).

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapat maklumat daripada lapan orang responden yang dipilih dalam kalangan keluarga berkonflik di kawasan penduduk berkepadatan tinggi di Pasir Gudang. Jadual 1 adalah untuk memaparkan profil responden sepertimana berikut:

Jadual 1: Profil Responden

| Responden | Jantina | Umur (Tahun) | Pendidikan | Tempoh Perkahwinan (Tahun) | Pekerjaan | Pendapatan Bulanan |
|-----------|---------|--------------|------------|----------------------------|---------------|--------------------|
| R1 | P | 46 | Diploma | 25 | Guru | RM 3000 |
| R2 | L | 32 | SPM | 8 | Pemandu | RM 1800 |
| R3 | P | 34 | SPM | 10 | Suri Rumah | - |
| R4 | L | 43 | UPSR | 10 | Cuci Kereta | RM 800 |
| R5 | P | 25 | SPM | 5 | Kilang | RM 1600 |
| R6 | L | 34 | SIJIL | 4 | Juru Kimpal | RM 2800 |
| R7 | P | 48 | IJAZAH | 20 | Pengurus | RM 4200 |
| R8 | P | 30 | SIJIL | 10 | Kerja Sendiri | RM 4000 |

Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap pendidikan paling rendah dalam kalangan responden adalah mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Manakala tiga orang daripada responden memiliki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Dua orang daripada responden memperolehi sijil daripada institusi tertentu. Seorang responden memiliki diploma pendidikan dan seorang responden juga memiliki Ijazah yang mana kedua-dua responden memperolehinya dari universiti awam.

Berdasarkan tempoh perkahwinan dapat dianalisis tempoh perkahwinan mereka antara 1-20 tahun. Risiko konflik terlihat dalam tempoh kematangan tempoh perkahwinan juga boleh berlaku, kerana terdapat 6 orang responden mengalami tahap konflik dalam jangkamasa tersebut. Dapatan kajian juga boleh dilihat dari sudut pekerjaan apabila seorang daripada lapan orang responden tidak bekerja dan hanya sebagai suri rumah. Pendapatan bulanan responden pada tahap sederhana. Terdapat 5 orang responden memperolehi gaji sebanyak RM 3000 ke bawah manakala 2 orang responden berpendapatan sebanyak RM4000 hingga RM4200 sebulan. Ini jelas menggambarkan tahap kewangan yang mereka ditahap sederhana dan jika tidak dijaga dengan baik boleh mengakibatkan berlakunya konflik dalam rumahtangga.

ANALISIS TAHAP PENGHAYATAN ISLAM

a) PENGHAYATAN AKIDAH

Berikut adalah analisis tentang penghayatan Islam yang berkisar tentang matlamat hidup manusia, hukum pengabaian tanggungjawab, penerimaan responden terhadap ujian Allah SWT dan juga masalah rumahtangga sebagai ujian Allah SWT. Ianya dapat dilihat melalui Jadual 2 : Penghayatan Akidah seperti mana berikut:

Jadual 2: Penghayatan Akidah

| Penghayatan Akidah | Menerima | Sukar Untuk Menerima |
|---|----------|----------------------|
| Matlamat Hidup Manusia | 7 | 1 |
| Hukum Pengabaian Tanggungjawab | 8 | |
| Penerimaan Responden Terhadap Ujian Allah SWT | 7 | 1 |
| Masalah Rumahtangga Sebagai Ujian Allah SWT | 6 | 2 |

Jadual 2 di atas menunjukkan tahap penghayatan akidah antara lapan orang responden yang mempunyai masalah keluarga berkonflik. Kajian ini mendapati tujuh daripada lapan orang responden memahami tujuan utama manusia hidup di muka bumi ini untuk beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Namun, seorang responden lagi menyatakan kefahaman mereka tentang matlamat hidup di dunia adalah di tahap kesamaran. Ini kerana mereka menyatakan bahawa kehidupan mereka langsung tidak di dedahkan apa yang dikatakan sebagai hamba Allah SWT dan ketaatan. Bagi penghayatan akidah kedua, iaitu kelapan-lapan responden dapat menerima hukum pengabaian tanggungjawab antara suami dan isteri. Mereka menyatakan bahawa pengabaian tanggungjawab dalam rumahtangga akan membawa kepada kemurkaan Allah SWT. Tanggungjawab terhadap suami atau isteri adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan cara yang terbaik. Terdapat juga responden yang kurang faham apa yang dikatakan tanggungjawab, disisi agama tetapi mereka faham melalui pengalaman dalam keluarga mereka.

Bagi penghayatan akidah ketiga iaitu penerimaan responden terhadap ujian Allah SWT mencatatkan tujuh daripada lapan orang responden menerimanya, manakala seorang lagi sukar menerimanya atas alasan tertentu. Bagi responden yang menerima, mereka menyatakan bahawa mereka redha dan pasrah segala yang berlaku dan menjadikan ianya pedoman dan pelajaran agar dapat memperbaiki diri mereka kepada yang lebih baik. Bagi responden yang tidak dapat menerima Ujian Allah SWT, merasakann ujian yang diterima sangat berat sehingga tidak tertanggung. Sehingga mereka merasakan tidak merasa melalui nikmat dalam kehidupan. Namun setelah muhasabah diri mereka dengan memujuk hati, kerelaan dalam diri hadir walaupun ianya sangat pedih. Penghayatan akidah yang keempat iaitu masalah rumahtangga sebagai ujian Allah SWT. Enam orang responden dapat menerima dengan sabar dan memahami ujian yang diberikan dalam rumahtangga. Mereka yakin bahawa qada` dan qadar dari Allah SWT mempunyai hikmah. Namun terdapat dua orang responden tidak dapat menerima hakikat masalah rumahtangga sebagai ujian dari Allah SWT. Ini kerana mereka merasakan mereka sudah memberikan yang terbaik dalam hubungan kekeluargaan namun iannya masih berlaku terhadap diri mereka. Walaubagaimanapun mereka akan cuba mencari solusi terbaik mencari punca berlakunya konflik rumahtangga dan menyerahkannya kepada Allah dan mereka mula pasrah dengan ujian yang ditatangkan kepada mereka.

b) PENGHAYATAN IBADAH

Jadual 2: Penghayatan Ibadah

| Penghayatan Ibadah | Melaksanakan | Kadangkala | Tidak Melaksanakan |
|--------------------|--------------|------------|--------------------|
| Solat Fardhu | 3 | 4 | 1 |
| Solat Sunat | 1 | 4 | 3 |
| Solat Jamaah | 1 | 2 | 5 |
| Solat Jumaat | 1 | 1 | 1 |
| Puasa Wajib | 6 | 2 | - |
| Puasa Sunat | 2 | 3 | 3 |
| Zakat | 1 | 2 | 5 |
| Membaca al-Quran | 3 | 4 | 1 |

Hasil kajian mendapati tiga orang responden melaksanakan secara konsisten solat fardhu 5 waktu tanpa meninggalkannya selain dari uzur syarie, manakala empat orang daripada responden tidak konsisten sepenuhnya solat fardhu iaitu tidak cukup lima waktu sehari. Seorang responden telah menyatakan yang beliau tidak langsung melaksanakan solat fardhu lima waktu disebabkan tidak tahu melaksanakannya. Ini jelas menunjukkan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan keluarga berkonflik di Pasir Gudang sangat lemah. Daripada analisis solat fardhu yang sering ditinggalkan adalah solat fardhu Subuh, diikuti oleh solat fardhu maghrib, isyak dan zohor. Kebanyakan responden dapat menunaikan solat fardhu asar, kerana mereka telah berada di rumah dan tidak terikat dengan waktu bekerja. Antara sebab responden tidak dapat menunaikan solat fardhu Subuh kerana kelewatan bangun di waktu pagi dan kesuntukan masa untuk pergi bekerja. Alasan bekerja adalah yang paling banyak kerana tidak melaksanakan solat fardhu Zohor. Manakala solat fardhu Maghrib dan Isyak ditinggalkan dengan alasan berehat dan tertidur akibat kepenatan dari bekerja. Selain itu ada yang menyatakan bahawa menyiapkan kerja rumah yang terlalu banyak.

Perlaksanaan solat sunat pula telah mencatatkan hanya seorang responden yang mengamalkan solat sunat dalam kehidupan, tiga responden tidak pernah melaksanakannya manakala 4 orang responden kadangkala melakukan solat sunat. Bagi mereka yang kadangkala melaksanakan solat sunat menyatakan bahawa mereka akan melakukan solat sunat bila ada kesempatan waktu seperti hari cuti ataupun bangun awal dari sediakala. Namun begitu bagi yang tidak pernah melaksanakan solat sunat, mereka menyatakan bahawa kesuntukan masa mengurus keluarga dan tidak tahu cara pelaksanaan solat.

Hasil analisis mendapati seorang sahaja responden yang menjaga solatnya dengan melaksanakan solat berjamaah setiap waktu solat. Manakala 2 orang responden kadangkala melaksanakan solat jamaah mengikut kesempatan masa mereka. Selebihnya seramai lima orang responden tidak mengamalkan solat berjamaah walaupun berada di rumah bersama dengan suami atau isteri. Kebanyakan responden yang tidak melaksanakan solat berjamaah tidak pernah mengimarahkan solat berjamaah bersama suami atau isteri sepanjang perkahwinan mereka. Mereka menyatakan alasan mereka lebih selesa solat sendirian dan suami tidak pernah mengajak isteri solat berjamaah. Ada juga di antara responden mengutarakan penjagaan anak secara bergilir-gilir menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan solat berjamaah.

Bagi pelaksanaan solat Jumaat pula hanya seorang daripada tiga responden lelaki yang melaksanakan secara konsisten. Manakala dua orang responden lelaki pernah meninggalkan solat Jumaat atas sebab-sebab peribadi dan juga sebab bekerja. Bagi analisis puasa wajib di bulan Ramadhan, enam orang responden berjaya melaksanakan ibadah puasa setiap tahun kecuali uzur syarie. Manakala dua orang responden pernah meninggal puasa wajib atas sebab penyakit gastrik dan memerlukan terbuka untuk mengelak dari berlaku kemudaratan bertambah. Selain itu, bekerja berat juga menyebabkan seorang lagi responden tak dapat menghabiskan puasa dan terpaksa terbuka. Ini kerana perjalanan yang agak jauh dan mengangkat barang yang berat menyebabkan dia kurang bermaya.

Perlaksanaan puasa sunat dapat dilihat apabila dua orang responden berjaya menyempurnakan puasa sunat di kala orang keliling tidak berpuasa. Manakala tiga orang responden kadangkala dapat melakukan puasa sunat, namun terdapat tiga orang juga responden yang tidak pernah melakukan puasa sunat sepanjang perkahwinan. Responden yang kadangkala dan tidak pernah melakukan puasa sunat menjelaskan bahawa mereka tidak mampu menahan nafsu makan dan kurang kekuatan iman. Ini kerana ada di antara mereka yang menyatakan solat wajib pun kadang kala tertinggal inikan pula puasa sunat. Mereka merasakan diri mereka tidak mampu menunaikannya.

Bagi kefardhuan zakat, hanya seorang responden menunaikan zakat pendapatan secara berkala dengan cara memotong gaji pada setiap bulan melalui Majlis Agama Islam Johor. Dua orang responden kadangkala membayar zakat mengikut keadaan dan faktor kewangan. Walaupun begitu, terdapat lima orang responden yang masih tidak memahami tentang zakat. Kebanyakan responden yang tidak melaksanakan zakat, merasakan diri mereka tidak perlu berzakat kerana pendapatan yang cukup makan. Selain itu mereka menyatakan zakat untuk orang kaya-kaya sahaja. Ini menunjukkan kefahaman zakat dalam kalangan keluarga berkonflik adalah sangat cetek dan perlu kepada penerangan dan tunjuk ajar.

Analisis bagi aspek membaca al-Quran, terdapat tiga orang responden mengamalkan bacaan al-Quran walaupun ianya di baca dalam sehelai muka surat. Bagi responden yang kadangkala membaca al-Quran iaitu seramai empat orang menyatakan kesibukan mereka menyebabkan mereka hanya membaca al-Quran pada hujung minggu. Terdapat seorang responden yang langsung tidak pernah membaca al-Quran sejak berkahwin, dengan alasan tidak pandai membaca al-Quran, begitu juga dengan pasangan.

c) **PENGHAYATAN AKHLAK**

Jadual 2: Penghayatan Akhlak

| Penghayatan Akhlak | Melaksanakan | Kadangkala | Tidak |
|----------------------------------|--------------|------------|-------|
| Penutupan Aurat | 4 | 3 | 1 |
| Adab Pergaulan Berlainan Jantina | 8 | - | - |
| Sifat Pemaaf | 5 | 3 | - |
| Sifat Sabar | 4 | - | 4 |
| Sikap Keterbukaan | 5 | - | 4 |

Berdasarkan kajian tentang kesempurnaan menutup aurat, terdapat empat orang responden dapat menutup aurat dengan sempurna, tiga daripadanya adalah responden lelaki dan seorang wanita. Responden menyatakan bahawa mereka menjaga aurat samaada diluar ataupun semasa bersama keluarga. Kebanyakan mereka berkata, bahawa didikan dari ibu bapa di bawa hingga sekarang. Tetapi bukan dengan teguran atau suruhan dari pasangan. Majoriti responden lelaki menutup aurat walaupun mereka keluar bersukan. Manakala empat orang responden tidak dapat menutup aurat dengan sempurna. Kajian ini juga mendapati bahawa segelintir responden wanita yang hanya menutup aurat bila berada luar dari kawasan rumah. Terdapat juga responden yang tidak mengetahui tentang batasan aurat dengan ipar duai lelaki dan perempuan.

Berdasarkan kajian ini, majoriti responden sentiasa menjaga adab mereka dalam pergaulan berlainan jantina. Terdapat juga responden yang menyatakan dia amat berhati-hati berhadapan dengan lelaki kerana takut berlaku pergolakan rumahtangga dan takut disalah ertikan. Oleh itu, pergaulan mereka sentiasa dijaga terutama dengan yang berbeza jantina. Bukan sahaja pergaulan berbeza jantina, malah pergaulan sesama jantina juga mereka amat berhati-hati kerana sekarang zaman fitnah yang menakutkan.

Hasil kajian ini memperlihatkan responden kajian seramai 5 orang mempunyai sifat pemaaf dan sentiasa merendah hati dalam menjalankan urusan. Sikap ini juga diiringi dengan sikap belas kasihan dan suka mengambil berat. Mereka jauh dengan sikap dendam dan sentiasa disemat dengan sikap ihsan dalam diri mereka. Namun terdapat juga tiga orang responden hanya dapat memberikan kemaafan mengikut situasi dan permasalahan yang berlaku. Sikap yang ditunjukkan oleh tiga orang responden itu, tidak dapat dikategorikan sebagai sikap kerana ianya bukan lahir dari dalam jiwa yang sudah sehati dengan diri.

Apabila disentuh tentang sifat sabar, hanya empat responden menyatakan diri mereka boleh menerima situasi yang menyakitkan dengan memberikan emosi kesabaran dan ketenangan. Mereka lebih suka mendiamkan diri agar situasi tersebut dapat dikawal tanpa timbul permasalahan lain. Mereka tidak sukakan keadaan yang huru hara, pergaduhan dan suasana yang tegang. Oleh yang demikian mereka lebih suka menyelesaikan dengan keadaan dan tenang. Ini menunjukkan keputusan yang akan diambil adalah dengan cara yang rasional dan berhemah. Manakala empat orang lagi responden tidak dapat menahan sikap sabar mereka bila berhadapan konflik yang menyakitkan. Mereka lebih mudah marah dan sukar untuk membuat keputusan yang baik apabila dalam situasi marah.

Hasil temubual dengan responden majoriti lima orang responden mempunyai sikap keterbukaan dalam menerima teguran dan nasihat daripada orang lain. Mereka dapat menerima kritikan dan berusaha untuk memperbaikinya dengan pemikiran yang positif. Manakala empat orang responden sukar menerima nasihat dan seringkali melawan semula apa yang diperkatakan. Mereka sering memberi reaksi negatif dengan mampamerkan muka masam dan suka menghentak-hentakkan barang seolah-olah rasa tidak puas hati. Oleh yang demikian, mereka memerlukan masa untuk menerima teguran yang diberikan.

PENGHAYATAN ISLAM DAN KONFLIK PENGABAIAAN QAWWAMAH

Hasil analisis mendapati kebanyakan pasangan yang mengalami konflik pengabaian *qawwamah* mempunyai masalah dengan sikap dan jiwa sendiri. Mereka dapat menerapkan akidah dalam diri mereka dengan memahami dan mendalami tentang hukum dan matlamat dalam hidup sebagai seorang muslim. Begitu juga mereka dapat menjalankan ibadah seharian dengan mengikut syariat. Namun disebabkan tidak dapat mengawal sikap diri yang cepat melenting, keras hati, pamarah dan sukar menerima teguran, ini menyebabkan berlakunya konflik dalam rumahtangga. Secara tidak langsung, pengabaian *qawwamah* akan berlaku terhadap pasangan.

Ini menunjukkan bahawa penghayatan akidah dan ibadah yang terbentuk dalam diri tidak dapat membentuk penghayatan akhlak dengan sempurna. Namun berdasarkan konsep Islam, dimana dengan adanya kemantapan akidah dan pelaksanaan ibadah dapat membentuk pelaksanaan akhlak yang baik. Namun ianya disokong oleh pendapat responden yang menyatakan bahawa, sikap boleh diubah dengan cara yang terbaik dengan adanya panduan dan asas yang terbentuk di dalam diri berdasarkan akidah dan ibadah bagi mengekang berlakunya pengabaian *qawwamah* dalam rumahtangga. Jamilah (2013) dalam kajiannya juga menunjukkan akhlak individu adalah signifikan dengan akidah dan tahap keimanan seseorang individu. Namun sekiranya pelaksanaan akidah dan ibadah masih tidak memperlihatkan kesan terhadap konflik pengabaian *qawwamah*, maka ianya adalah berpunca dari sikap dalam diri sendiri.

“...kefahaman agama dan perlakuan ibadat tu adalah usaha seseorang untuk mendapatkan yang terbaik dalam mendekati diri dengan Allah, tapi kan...bukan semua orang ada sikap yang lemah lembut, sikap ialah sikap...sikap ni sebenarnya boleh aje dilentur dengan adanya iman yang kuat...tapi tu semua bergantung juga..lau tak boleh kawal sikap tu memanglah susah....” (R:2)

Dalam kajian ini juga responden berhadapan dengan sikap pasangan yang menyebabkan berlakunya konflik. Apabila salah seorang pasangan tidak menjadikan akidah dan ibadah sebagai amalan dalam kehidupan, kepincangan dalam rumahtangga akan mudah berlaku. Responden berkongsi cerita tentang sikap pasangan yang tidak bertanggungjawab, suka berjudi, suka memukul isteri, mencari kesalahan pasangan, minum arak dan lebih memilukan mengamalkan ilmu hitam untuk menundukkan pasangan. Antara perkongsian responden adalah sebagaimana berikut:

“...dia suka pukul saya, dia tendang saya sampai gugur anak dalam kandungan...dia biarkan dan tinggalkan saya dan balik ke rumah isteri tua...saya sendirian di hospital...suami jenis apa dia ni?...Semua belanja dapur saya tanggung.. saya ni tempat dia lepaskan geram.... sakit sangat... Allah...(menangis)...yang paling saya tak sangka, dia sanggup bomohkan saya...(menangis)..sembahyang tak tinggal, tapi langsung tak hormat isteri.. sekarang saya hanya bermohon pada Allah untuk lindungi saya...” (R:1)

“...dia tak kerja, dia minum arak..balik rumah menyepak bini..sembahyang pun tak nak..” (R:5)

Dalam kajian ini turut mendapati enam orang daripada responden lapan responden mengalami pengabaian *qawwamah*. Antara tanggungjawab yang sering diabaikan adalah nafkah zahir dan batin. Berikut adalah pernyataan yang dikongsikan oleh responden:

“...duit keta saya bayar, duit sekolah anak-anak saya bayar...dia langsung tak hirau..duit belanja rumah pun saya yang kena keluarkan..cakap dengan saya tak pernah lembut..nangis saya hari-hari..ni pun ada hati nak cari betina lain (huh)..” (R:7)

“...maaf cakaplah saya penat duduk dengan bini yang hari-hari lebihkan joli..tak boleh ditegur..suruh sembahyang banyak alasan..nanti saya pukul kata dera...nak minta dia ngandungkan anak kita pun dia tak nak takut tua..ni memang aku rasa down dengan dia ni..serba serbi malas..dengan orang tua saya pun tak hormat..perlu ke saya simpan lagi..pening(arrrrhh)..” (R:5)

“...sedih....gantung tak bertali, menunggu buah tak jatuh, hanya Allah je yang tahu (perasaan)...balik rumah boleh kira..nafkah zahir pun saya cari sendiri..apatah lagi nafkah batin, dia langsung tak layan...(menangis)” (R:1)

“...suami saya tak pernah sembahyang, tak pernah ngaji...dia sekolah tinggi, dia pandai sebenarnya baca al-Quran, tapi dia abaikan saya tanpa ilmu agama, saya nak pegi masjid dia marah, saya nak pakai tudung labuh dia bantah..dia panas baran, dia pukul saya dan anak-anak..” (R:7)

Hal ini disokong dengan kajian Mariam et al. (2018) membuktikan faktor kewangan dan pengetahuan agama adalah peratusan tertinggi yang menimbulkan konflik rumahtangga. Kurangnya kefahaman dan ilmu agama yang cetek penyebab berlakunya konflik antara pasangan. Mereka tidak menjalankan hukum agama dan hidup tanpa syariat agama yang sepatutnya. Manakala kajian Wan Murni (2018) pula menyatakan bahawa konflik perkahwinan berpunca dari faktor seksual seperti sikap digin, tiada kepelbagaian dalam seks dan tiada kepuasan seks. Ini menyebabkan berlaku ketidakpuasan dan menjadikan antara pasangan yang mencari kekasih lain dalam memenuhi keinginannya. Kesannya mengakibatkan timbul perbalahan.

Berdasarkan perkongsian dari responden dan juga kajian-kajian tentang pengabaian *qawwamah*, dapat dianalisis bahawa penghayatan Islam juga amat memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan akhlak yang selari dalam kehidupan. Pendekatan nilai penghayatan Islam dalam kehidupan membawa ketenangan dalam diri seseorang walaupun dilanda konflik rumahtangga. Majoriti responden menyatakan ketenangan dan kebahagiaan datang dalam diri daripada solat yang khusyuk, berzikir, membaca al-Quran, muhasabah diri dan dapat juga membuat keputusan dengan fikiran yang lebih rasional dalam sebarang tindakan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh responden berikut:

“...bila saya rasa *tention* rasa macam nak mengamuk, tapi bila kita tangkis dia dengan istighfar, baca al-Quran, ambik wuduk, kita akan rasa down sikit..tak lah rasa nak marah-marah..saya selalu lafazkan ya latiff untuk diri saya dan isteri serta anak-anak...” (R:4)

Lazimnya, apapun musibah yang datang pada kita banyakkannya zikir. Zikir boleh boleh menghilangkan perasaan keluh kesah, gelisah dan sedih. Hati orang yang sentiasa berzikir akan merasai ketenangan dan ketenteraman dalam mengingati Allah SWT. Dengan berzikir juga dapat mendekatkan diri dengan Allah SWT dan secara tidak langsung dapat memberi jalan penyelesaian dalam apa jua konflik yang melanda. Kembali kepada Allah SWT adalah satu jalan yang dapat memberikan jalan penyelesaian terbaik dalam kehidupan. Ianya dikongsi bersama responden berikut:

“...bila saya serahkan sepenuh diri pada Allah, saya rasa tenang walaupun terlalu banyak permasalahan rumah tangga yang saya hadapi, saya amat percaya, bahawa Allah adalah jalan penyelesaian yang terbaik...” (R:3)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kurangnya penghayatan Islam dan sikap pasangan suami isteri juga memberikan pengaruh dalam tercetusnya konflik pengabaian *qawwamah*. Sikap negatif dan kekuarangan ilmu akidah dan jarang melakukan ibadah adalah penyumbang utama kesukaran dalam menjalankan perbincangan antara suami isteri. Dengan memantapkan ilmu penghayatan Islam dalam diri pasangan suami isteri akan dapat membentuk ketenangan dan dapat membuat keputusan secara rasional tanpa bertindak terburu-buru dengan memohon kepada Allah SWT untuk jalan penyelesaian yang terbaik.

**Funder by the Ministry of Higher Education under FGRS.
Registration Proposal No: FRGS/1/2020/SSIO/UTM/02/27/& UTM**

RUJUKAN

- Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi. (2004) Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri Di Kalangan Orang-Orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. 29-30 May 2004, pp1-8.
- Brandt, Sarah (2003) Religious Homogamy and Marital Satisfaction: Couple that Pray Together, Stay Together (*Student Paper, PPS Annual Meeting*). :11-20
- Creswell, J.W. (2005). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. London, Uk: Sage.
- Chua Yan Piaw (2011) *Kaedah Pengkajian*, Kuala Lumpur: Mac Grow Hill Education.
- Dollahite, David C & Lambert, Nathaiel M (2007) Forrsaking All Others: How Religious Involvement Promotes Marital Fidelity in Christian, Jewish and Muslim Couples. *Review of Religious Research* 48/3: 290-307.
- al-Fayruzabadi, Muhammad Ibn Ya`qub(1938), *al- Qamus al -Muhit*, vol.2 (al-Qahirah: Maktabah Dar al-Ma`mun.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016) *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hunler, Olga S. & Gencoz, Tulin (2005) The Effect Of Religiousness On Marital Satisfaction Testing Themediator Role of Marital Problem Solving Between Religiousness and Marital Satisfaction Relitionsip. *Contemporary Familt Therapy* 27/1:123-137
- Jamiah Manap et al. (2013). Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim. *Journal of Psychology & Human Development*, 36/1 9:36-43.
- Jawiyah Dakir (1996) Asas Pembentukan Keluarga Mengikut Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah. *Islamiyyat*17:3-18.
- Johaibi Bin Juhan dan Mohd Azmir Bin Maideen (2014). *Kepimpinan Rumahtangga Menurut Perspektif Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari (1989) *Undang-undang Keluarga Islam Konsep dan Perlaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Karya Abazie.
- Mariam Abd Majid, Sahlawati abu Bakar, mohammad Yusof Marlon dan Nur Syafiqah Bokhari (2018) Faktor Konflik Rumahtangga Dan Kaedah Mengatadi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematik. *International Reasearch management & Innovation Conference (5th IRMC)*. Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Miles, M.B. dan Huberman, M.A. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Beverly Hill: Sage Publication.
- Norhayati Hamzah (2006). Menangani Konflik Institusi Perkahwinan: Analisis dan pandangan Al-Quran. *Makalah, Seminar Falsafah Perkahwinan, Pusat Perkembangan Keluarga*, Universiti Malaya, 29-30 Mac 2006, 1-19.
- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azhari dan Bahiyah Ahmad (2020). Sakinah Mawaddah dan Rahmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*. Jilid (28) Bil 1:81-104.
- Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari (2016). Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga : Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian, Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Journal Syariah* .Vol. 24, No 3 393-422
- Raihanah Azhari (2007), Permasalahan Rumahtangga: Kajian Di Unit Undang-Undang Keluargajabatan Agama Islam Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 15/1:115-128.
- Robison, Linda C. (1994) Religious Orientation in Enduring Marriage: An Exploratory Study, *Review of Religious Research*, 32/3: 207-217.
- Sadarjoen, SS (2005) *Konflik Marital: Pemahaman konseptual, actual dan alternative solusinya*. Refika Aditama Bandung.

- Siti Fatahiyah Mahamood, Azri Bhari, Hanifah Musa Fathullah Harun, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Asrof Zaki Yaakob, Asmak Husin dan Mohd Solahuddin (2016). *Kekuatan Dan Kebijaksanaan Wanita Dalam Mempertahankan Perkahwinan Daripada Penceraian: Analisis Daripada Ayat-Ayat Al-Quran Dan Srikandi Wanita Terpilih*. Universiti Teknologi Mara.
- Syamsiah Nur (2019). Peranan Keluarga Sakinah Mawwadah wa Rahmah Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Indonesia. *Jurnal Zirah*, Vol. 1/1, 87.
- Terjemahan Al-Quran (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Diterjemahkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih, disahkan oleh Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim, Cet. Islam ke-12, Dar al-Kitab Malaysia. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Jazlan bin Jusoh & Abdul Wahab Md. Ali (2018). Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin 15-16 September 2018.
- Wan Murni Wan Moktar dan Anwar Fakhri Omar (2018). Analisis Punca Penceraian dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bahru 2010-2014. *Fikiran Masyarakat*, Vol. 6/2: 57-62.
- Zanariah Dimon et al. (2018). Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Islam, Fakulti Tamadun Pengajian Islam*. Kolej Universiti Antarabangsa Selangor.

Raikhani Mormin
Universiti Teknologi Malaysia
Email: raikhaniormin@gmail.com

Bushrah Basiron
Universiti Teknologi Malaysia
Email: bushrah@utm.my